

Coca-Cola bantu wawasan hab halal

Pelaburan kilang pembotolan RM1 bilion patuhi garis panduan halal: PM

Oleh Ziauddin Sharuddin,
Kamarulzaidi Kamis dan Iffwan
Tun Tuah
bhbiz@bharian.com.my

DATUK Seri Najib Razak melahirkan keyakinan pelaburan The Coca-Cola Company (Coca-Cola) sebanyak RM1 bilion di negara ini dalam tempoh lima tahun akan datang mampu menyumbang terhadap wawasan Malaysia untuk muncul sebagai hab halal global.

Perdana Menteri berkata, pelaburan besar berkenaan termasuk keputusan syarikat multinasional itu membina kilang pembotolan barunya di Taman Perindustrian Enstek, dekat Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, kilang terbabit boleh memanfaatkan sumber tempatan dan penggunaan sistem mematuhi garis panduan halal yang ketat berkaitan penyediaan makanan bagi memastikan kualiti serta kebersihan pengeluaran makanan terpelihara.

"Justeru, saya percaya operasi kilang itu nanti akan memenuhi semua syarat ditetapkan oleh garis panduan halal dalam Islam," katanya berucap merasmikan majlis pecah tanah pembukaan ki-



OWEE ANI CAHRI | BERTUA HASRAN

NAJIB mendengar taklimat mengenai kilang pembotolan Coca-Cola di kawasan perindustrian Enstek daripada Pengurus Besar Coca-Cola Bottlers, Vamsi Mohan V Thati (dua dari kiri) sambil diperhatikan Mustapa (kiri), Jordan (tiga dari kiri) dan Mohamad di Nilai, semalam.

lang pembotolan Coca-Cola, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Presiden Kumpulan Pasifik Coca-Cola, Glenn Jordan dan Pengarah Serantau Kumpulan Pelaburan Pembotolan Coca-Cola, Martin Jansen.

Majlis pecah tanah itu ada-

kan langkah pertama firma Amerika Syarikat (AS) itu merealisasikan pelaburan bernilai RM1 bilion di negara ini dalam tempoh lima, tahun ke arah merangsang pasaran Asia Tenggara yang dianggap penting dalam perniagaan mereka.

Perdana Menteri berkata, keputusan Coca-Cola memasuki pasaran negara ini juga akan membantu memperkukuhkan industri pembung-

kusan dan minuman serta sektor logistik, selain membawa masuk teknologi baru yang akan meningkatkan kecekapan pengeluaran.

Katanya, hasrat itu dimantapkan dengan penubuhan Pusat Perniagaan Asean Coca-Cola di negara ini yang akan menjadi pusat pengeluaran dan pendedaran produk berkenaan rantau ini.

"Pembinaan kilang baru ini juga menandakan pela-

buran pertama Coca-Cola di Malaysia dan kita berharap ia akan menjadi permulaan kepada operasi berasaskan penubuhan pengeluaran serta perkhidmatan di negara ini pada masa depan.

"Saya mengalu-alukan pelaburan penting ini sebagai komitmen kukuh Coca-Cola di negara ini dan menjadikannya sebagai isyarat kuat bahawa jenama paling dikenali di dunia kini memperkukuhkan sumbangan terhadap pasaran Malaysia," katanya.

Serentak itu, beliau yakin lebih banyak syarikat lain akan mengikut jejak langkah Coca-Cola melabur di negara ini.

"Tanpa ragu, Coca-Cola mempunyai kehadiran yang kuat di kalangan rakyat Malaysia dengan generasi demi generasi membesar bersama cita rasa dan keunikan pembungkusan Coca-Cola menyebabbkannya diiktiraf kerana nilai jenamanya," katanya.

Selain itu, Najib berkata, kilang berkenaan akan menggerakkan ekonomi negeri dan negara, serta menyokong usaha kerajaan untuk memacu pembangunan ekonomi melalui pelaburan asing dan perkongsian perniagaan.